

1) PROJEK PEMBAIKAN BUMBUNG PANGSAPURI TAMAN TELOK GEDUNG INDAH, PELABUHAN KLANG

Adun : Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2024)

Sub soalan :

a) Apakah status terkini permohonan pembaikan bumbung di Pangsapuri Taman Telok Gedung Indah, Pelabuhan Klang?

Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) telah membuat permohonan kepada Jabatan Perumahan Negara, KPKT melalui Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) tahun 2024. Pihak Jabatan Perumahan Negara melalui surat Ruj: JPN.BPP.800-6/1/5 JLD.2(2) bertarikh 14 Februari 2024 telah meluluskan pembaikan bumbung bagi kedua-dua Blok A dan B.

b) Bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

Proses perolehan bagi kerja-kerja menaiktaraf bumbung sedang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK). Kenyataan tawaran sebutharga telah diiklankan melalui laman web rasmi MBDK bermula 03 Mei 2024 dan telah tamat pada 21 Mei 2024. Pihak MBDK sedang dalam proses penilaian sebutharga dan projek pembaikan bumbung Pangsapuri Taman Telok Gedung Indah ini dijangka akan bermula Julai 2024.